

'Segerakan 5 projek tingkatan ekonomi negeri'

BH 12.11.19 (8)

Kota Bharu: Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V meminta kerajaan Persekutuan menyegerakan pelaksanaan lima projek yang diumumkan untuk negeri itu supaya pembangunan ekonomi dapat dilaksanakan secara berterusan.

Ia membabitkan projek pembinaan Lebuh raya Pantai Timur fasa tiga; menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP); pembinaan jalan raya menghubungkan Pasir Puteh-Machang-Jeli; Lebuh raya Central Spine Road dan Jambatan Palekbang-Kampung Cina.

"Beta berharap kerajaan negeri dapat membantu dan bekerjasama dengan kerajaan Pusat menegerakan pelaksanaan projek berkenaan," titah baginda.

Baginda bertitah pada Istiadat Pengurniaan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Kelantan sempena Hari Keputeraan Sultan Muhammad V ke-50, di Istana Balai Besar di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, baginda bertitah tahun 2020 diisytiharkan kerajaan negeri sebagai Tahun Melawat Kelantan yang bertemakan 'Kelantan di Hati' dan elemen 'family, food, festival' (3F) dengan sasaran memasukkan pelancong seramai 5.5 juta orang.

"Pada hajat beta, tema ini bertepatan dengan hasrat menarik perhatian pelancong berkunjung ke negeri ini di samping dapat menikmati makanan selain menyaksikan pelbagai acara serta festival menarik yang disusun," titah baginda.



Sultan Muhammad V bersama Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr Muhammad Fa-iz Petra dan isteri, Cik Puan Sofie Louise sempena hari Keputeraan ke-50 Sultan Kelantan di Padang Merdeka, semalam.